

SYARIAT ISLAM MENDIDIK UMAT AGAR BERSATU

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي مَنَّ عَلَيَّ الْمُسْلِمِينَ بِأَحْسَنِ الشَّرِيعَةِ طَرِيقَةً
وَمِنْهَا جَاءَ، وَرَفَعَ ذَا أَدَبٍ كَرِيمٍ دَرَجَاتٍ عَلَيَّ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ajaran yang dibawa Rasulullah s.a.w. hakikatnya mendokong syariat yang dibawa oleh umat terdahulu. Syariat yang kandungannya amat kompleks lagi padat itu sarat dengan kemanfaaan juga amal kebaikan kepada yang menunaikannya. Syariat yang menggesa kita agar setiap amal mesti berdasarkan ketakwaan kepada Allah Menjadikan umat islam itu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan segala perintah Allah, apatah lagi meninggalkan segala larangan-Nya.

Sidang jumaat yang dikasihi,

Sekiranya kita perhatikan dengan lebih mendalam, di antaranya akan kita perolehi bahawa tujuan syariat Allah

adalah mengajak kepada perpaduan dan kesatuan. Inilah di antara asas utama syariat Islam yang sepatutnya perlu dihayati dan difahami dengan sebaik mungkin. **Ini kerana semakin kita menghayati dan mengamalkan Islam ia seharusnya semakin menguatkan dan mengukuhkan kesatuan antara kita. Bahkan sebaliknya, semakin cetek kefahaman kita, dan kurang pula penghayatan apatahlagi pengamalan, tentunya semakin longgar hubungan sesama kita dan semakin mudah kita terlibat dalam permusuhan.**

Maka pada hari ini, khatib ingin berkongsi dengan sidang jumaat sekalian tiga elemen yang dapat memperkukuhkan kesatuan di antara umat Islam dan manusia seluruhnya.

Pertama, beriman kepada Tuhan yang Esa.

Apakah persamaan yang wujud diantara kita dan saudara kita dan saudara yang sedang duduk bersebelahan kita sekarang ini di dalam masjid ini, apakah persamaan kita dengan saudara kita berada nun jauh di sana yang berdekad-dekad teraniaya di Ghaza palestine?

Jawabnya ialah Kita dia dan mereka berpegang dan beriman kepada Tuhan yang Satu. Kitab Al-Quran yang satu. Qiblah yang satu. Malah, Nabi yang satu. Manusia

pada hakikatnya perlukan hubungan dengan Tuhan dan kuasa agung. Lihat sahaja bagaimana manusia di pelbagai kurun dan ketamadunan telah cuba untuk mencari hubungan itu sehingga lahirlah pelbagai bentuk agama. Bahkan, merupakan satu fitrah apabila malapetaka atau bencana menimpa manusia, Allah lah menjadi tempat kita bergantung harap. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-'Ankabut ayat 65:

Ertinya: “Dalam pada itu, apabila mereka naik bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepada-Nya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka (Yakni naik) ke darat, mereka berlaku syirik kepada-Nya.”

Sehubungan dengan itu, apa jua ujian dan rintangan di dalam kita berinteraksi sesama saudara seagama dengan kita, maka lihatlah dasar ini sebelum cemuhan dan cacian dilontarkan kepada mereka.

Kedua, ibadah kita pada Tuhan Yang Esa

Sebagaimana keimanan kita pada Tuhan yang Satu, begitulah juga ibadah kita. Ia juga untuk Tuhan yang satu

iaitu Allah. Solat, puasa, haji kita, malah segala ibadah kita tiada lain hanyalah untuk Allah sahaja. Firman Allah dalam surah Al-An'aam ayat 162:

Ertinya: "Katakanlah: „Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.“ ”

Ingatlah, walau betapa bezanya cara kita beramal, sebagai contoh ibadah solat kita. Sama ada berqunut ataupun tidak. Menggerakkan jari telunjuk bertasyahhud atau sebaliknya. Membaca basmalah (Bismillah) dengan perlahan atau sebaliknya. Ingatlah dan ingatlah, satu perkara yang tidak pernah akan berubah, iaitu ibadah solat kita ini hanyalah buat Allah s.w.t. Tuhan yang Satu. Tuhan saya, Tuhan mereka dan Tuhan kita bersama. Usah biarkan perbezaan pada perkara cabang ini, menyebabkan kita lupa akan persamaan yang paling penting antara kita iaitu mendirikan solat dan beribadah hanya kepada Allah s.w.t.

Ketiga, Islam juga ingin membawa kepada kesatuan melalui akhlak dan nilai mulia dalam kehidupan. Nilai-nilai kebaikan dasar yang dibawa oleh Islam seperti tidak membunuh, tidak bermusuhan, tidak menipu, tidak menzalimi adalah nilai-nilai yang dipersetujui oleh umat Islam dan yang bukan Islam.

Walau apapun perbezaan orientasi, mazhab dan agama kita. Seluas mana pun jurang pandangan antara kita. Kita tidak lupa akan persamaan dasar kita semua sebagai makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang amat istimewa.

Untuk menyatukan perbezaan fikrah atau manhaj antara manusia, mungkin mustahil boleh berlaku. Namun menyatukan hati dan rohani antara kita pasti boleh berlaku. Ini kerana hati-hati manusia adalah milik Allah, dan ia boleh bersatu dengan izin Allah. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Anfal ayat 63:

Ertinya: “Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka. kalaulah Engkau belanjakan Segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya Engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka.

Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Maka dalam kita bergaul sesama manusia, peganglah dasar ini dan ingatlah sabda dan amanat Rasulullah s.a.w. dalam pergaulan sesama manusia yang bermaksud:

“Janganlah kamu berhasad-dengki sesama sendiri, dan jangan kamu melebih-lebihkan harga barangan yang dijual untuk menipu orang lain, dan jangan kamu bercimembenci sesama sendiri, dan jangan kamu bermusuhan dan bergaduh sesama sendiri, dan jangan kamu jual pada seseorang barang yang dijual oleh saudara kamu dengan harga yang lebih rendah setelah ia membelinya. Dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.”

[Sahih Muslim]

Nilai-nilai universal ini mengingatkan kita, bahawa Islam inginkan kita untuk hidup sesama manusia sebagai satu umat manusia yang bahagia. Nilai-nilai ini mengingatkan kita akan pentingnya umat Islam menjadi sumber kesatuan dan perpaduan umat manusia dan bukan sebaliknya.

Saudara yang dirahmati Allah,

Inilah kesatuan yang wujud pada syariat kita. Inilah kefahaman yang perlu ada pada setiap dari kita.

Kefahaman yang digelar sebagai 'Fiqh Tauhidi' atau 'Fiqh Penyatuan' yang perlu difahami oleh setiap umat Islam.

Mengapakah penting untuk kita memahami konsep 'Fiqh Tauhidi' ini?

Ini supaya kita selalu beringat bahawa asas ajaran Islam adalah kesatuan dan kesepakatan. Kita memulakan perhubungan antara kita atas dasar-dasar persamaan dan kesatuan. Kita tidak bermula dengan mencari ruang-ruang perbezaan, khilaf dan perselisihan. Andainya kita berselisih pendapat, pandanglah dan tegurlah dengan perasaan mahabbah dan kasih sayang.

Perselisihan dan perbezaan pendapat seharusnya mengayakan pemikiran dan kehidupan kita bukan memburukkannya. Renungkanlah saudara pesanan Baginda s.a.w. pada peristiwa Haji Wida' atau Haji Perpisahan.

"Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu, dan asal kamu adalah satu. Ketahuilah bahawa tiada

kelebihan orang arab di atas orang yang bukan arab. Dan tiada juga kelebihan orang bukan arab di atas orang arab. Orang yang berkulit gelap juga tiada kelebihan di atas orang yang berkulit kemerahan, dan begitulah sebaliknya, kecuali denga takwa. Sesungguhnya yang paling mulia dari kalangan kamu di sisi Allah adalah yang paling tinggi takwanya". [Sahih Bukhari]

Semoga dengan kesatuan kita sebagai umat Islam, setiap interaksi dan hubungan kita adalah berlandaskan kasih sayang, yang mana akhirnya antara kita ini tidak lain hanyalah saudara seislam jua. Iaitu, umat Nabi Muhammad s.a.w.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .